

# Utamakan kerjaya punca wanita lambat kahwin



“Wanita semakin kurang subur apabila berkahwin pada usia melebihi 30 tahun ke atas.”

**Dr Nuguelis Razali,**  
Pakar Obstetrik dan Ginekologi Fakulti Perubatan Universiti Malaya



“Faktor ekonomi dan sistem sokongan masyarakat antara penyumbang utama kepada kemerosotan kadar kelahiran di negara ini.”

**Hanina Halimatusaadiah Hamsan,**  
Pensyarah Ekologi Manusia UPM

## Laporan Perangkaan Penting, Malaysia 2019

» Kadar kesuburan di negara ini menurun daripada 1.9 anak pada 2017 kepada 1.8 anak pada 2018 bagi setiap perempuan berumur antara 15 hingga 49 tahun.

» Kadar kesuburan bawah paras penggantian 2.1 anak, iaitu purata bilangan bayi yang dilahirkan seorang wanita.

» Kemerosotan kesuburan disebabkan penurunan 1.3 peratus bilangan kelahiran hidup yang direkodkan pada 2017, iaitu daripada 508,685 kelahiran hidup kepada 501,945 pada 2018.

Keputusan diambil berisiko beri kesan buruk terhadap tahap kesuburan

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Melambatkan perkahwinan demi mengejar kerjaya lebih stabil menjadi punca wanita enggan memulakan hidup berkeluarga lebih awal, hingga menjejaskan tahap kesuburan mereka.

Ini diburukkan lagi dengan masalah berat badan berlebihan atau obesiti dan gaya hidup kurang sihat, seperti merokok yang semakin meningkat dalam kalangan wanita dan lelaki pada usia belasan tahun.

Pakar Obstetrik dan Ginekologi Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Prof Madya Dr Nuguelis Razali, berkata wanita semakin kurang subur apabila berkahwin pada usia melebihi 30 tahun ke atas.

Katanya, golongan wanita kini lebih cenderung bekerja bagi meningkatkan ekonomi diri dan keluarga, sebelum mengambil keputusan memulakan hidup berkeluarga pada awal usia.

“Apabila usia sudah mencecah 30-an dan berkahwin, tahap kesuburan merosot dan kebarangkalian hamil sukar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Laporan Perangkaan Penting, Malaysia 2019, baru-baru ini.

Dalam laporan itu mendedahkan, kadar kesuburan di negara ini menurun daripada 1.9 anak pada 2017 kepada 1.8 anak bagi setiap perempuan berumur antara 15 hingga 49 tahun, pada 2018.

Laporan itu juga mendedahkan, kadar kesuburan bawah paras penggantian 2.1 anak, iaitu purata bilangan bayi yang dilahirkan seorang wanita sepanjang tempoh reproduktif tidak mencukupi untuk menggantikan dirinya dan juga pasangannya.

Kemerosotan kesuburan disebabkan penurunan 1.3 peratus bilangan kelahiran hidup yang direkodkan pada 2017, iaitu daripada 508,685 kelahiran hidup kepada 501,945 pada 2018.

Justeru, Dr Nuguelis mencajangkan wanita mengelakkan berkahwin pada usia lewat, terutama apabila usia sudah mencecah 35 tahun ke atas.

“Kehamilan pada usia lewat ju-



Forum kesuburan yang dianjurkan beberapa pusat perubatan membantu pasangan suami isteri merancang menambah ahli keluarga. (Foto Hiasan)



Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara memainkan peranan memberi pendidikan reproduktif kepada masyarakat. (Foto Hiasan)

ga boleh mengundang pelbagai risiko kepada kesihatan wanita dan bayi dalam kandungan, seperti tidak cukup berat badan, kelahiran pramatang dan keguguran.

“Wanita muda juga berisiko mengalami masalah tidak subur sekiranya mengalami obesiti, serta tidak mengamalkan gaya hidup sihat atau menghidap penyakit tidak berjangkit seperti diabetes,” katanya.

Beliau menasihatkan wanita yang berkahwin pada usia 30-an supaya mendapatkan rawatan sekiranya selepas setahun gagal hamil.

Wanita yang berusia 36 tahun ke atas pula perlu berjumpa doktor atau pakar, selepas enam bulan berkahwin dan gagal hamil.

Masalah ketidaksuburan juga mungkin berpunca daripada masalah seperti fibroid, ketumbuhan atau struktur sistem reproduktif yang tidak normal.

Pensyarah Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hanina Halimatusaadiah Hamsan, berkata, faktor ekonomi dan sistem sokongan masyarakat yang tidak kukuh antara penyumbang utama kepada kemerosotan kadar kelahiran di negara ini.

Kedua-dua faktor itu menyebabkan pasangan berkahwin pada masa kini lebih berhati-hati dalam merancang kehamilan, kerana perlu mengambil kira kos keperluan asas untuk hidup yang semakin meningkat.

Ini termasuk bayaran ansuran rumah atau sewa bulanan kediaman, kos pengangkutan harian, makan, minum, pakaian, perbelanjaan persekolahan anak, bayaran pengasuh anak atau nurseri dan kesihatan.

Ibu bapa muda terutama yang memilih jumlah anak sedikit, iaitu sekurang-kurangnya dua orang

berbanding ibu bapa generasi X dan sebelumnya.

Masalah sistem sokongan keluarga seperti TASKA dan nurseri yang kurang memberangsangkan, selain kos yuran semakin meningkat juga mempengaruhi keputusan berkaitan jumlah anak diinginkan oleh pasangan.

Katanya, TASKA dan nurseri sepatutnya menjadi sistem sokongan bagi ibu bapa yang mempunyai anak kecil, tetapi harga yang mahal menjadi cabaran besar untuk ibu bapa menghantar anak.

Ada yang memilih menghantar ke pengasuh tidak berdaftar dan banyak risiko yang mereka perlu hadapi dalam aspek keselamatan anak.

“Ini belum lagi ibu bapa yang mempunyai anak dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) dan berpenyakit kronik.

“Sistem sokongan kita masih belum mampu memberi khidmat untuk golongan ini, menyebabkan ramai ibu memilih berhenti kerja atau mengambil pembantu rumah dan merancang kehamilan,” katanya.

Kesibukan bekerja juga menyebabkan sesetengah pasangan tidak berminat untuk memiliki anak langsung dan bagi yang sudah mempunyai anak, tuntutan kerja yang memematkan juga membantutkan hasrat menambah anak lagi.

Justeru, bagi menangani masalah ini kerajaan dan majikan juga diharapkan dapat memperluaskan sistem sokongan TASKA dan TADIKa di tempat kerja atau kawasan berdekatan.

Pengecualian cukai pendapatan dengan peratusan tertentu bagi ibu bapa yang mempunyai anak kecil dan bersekolah juga perlu dipertimbangkan.